

16.3.2021_Berita Harian_Jabatan Kimia_Sungai Ngulang masih boleh diselamatkan

Sungai Ngulang masih boleh diselamatkan

Kualiti air kategori Kelas Satu, perlu rawatan minimum

Kangar: Sungai Ngulang yang dilaporkan tercemar masih boleh diselamatkan kerana tahap pencemarannya didapati tidak seteruk seperti pencemaran yang berlaku di sungai lain.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Alimad Ismail, berkata Perlis ber-nasib baik kerana kualiti air di kebanyakan sungai di negeri itu dikategorikan sebagai Kelas Satu oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) iaitu Indeks Kualiti Air (WQI) berada pada tahap bincang 92.7 hingga 100, selain mempunyai ekosistem yang sihat.

Beliau berkata, Kelas Satu ber-maksud air sungai selamat di-minum dan hanya menerikut rawatan air yang sangat mini-mum serta sesuai untuk menjadi habitat hidupan akuatik.

"Bagaimanapun, kerajaan

Perlis perlu mengambil tindakan segera bagi menangani isu pencemaran sungai di negeri itu bagi memastikan kualiti air sungai kekal pada paras Kelas Satu.

"Bagi Sungai Ngulang, pence-maran yang dilaporkan itu masih boleh dipulihkan kerana tahap pencemarannya tidak seteruk yang berlaku di sungai lain," ka-tanya semalam.

JAS Perlis sebelum ini mengambil sampel air di Sungai Ngulang selepas menerima aduan orang ramai mengenai warna air sungai yang dilihat bertukar hi-tam beberapa hari lalu.

Keadaan Sungai Ngulang,
Perlis yang dilaporkan tercemar hanya perlu rawatan yang sangat minimum.

Sampel air berkenaan dihantar ke Jabatan Kimia di Alor Setar, Kedah, untuk mengenal pasti punca pencemaran dan tidak me-nolak ia disebabkan aktiviti in-dustri serta kegiatan penanaman sawah dan sungai kerana ia boleh menyumbangkan pencemaran si-sa pertanian yang mengalir terus ke dalam sungai," katanya.

Alimad berkata, kerajaan Per-lis juga disaran terus memper-kasa perancangan, pemantauan dan penguatkuaasan undang-undang bagi memastikan sungai di negeri itu kokal bersih.

Justeru, katanya, kerajaan ne-geri dan pihak terabit perlu me-mastikan semua pembangunan dan aktiviti manusia dipantau

mengikut undang-undang sedia ada.

"Selain itu, perlu diwujudkan zon penanaman iaitu jarak antara sawah dan sungai kerana ia boleh menyumbangkan pencemaran si-sa pertanian yang mengalir terus ke dalam sungai," katanya.

Alimad berkata, kerajaan ne-geri juga perlu mengawal dan menantau kegiatan pembuangan sampah ke sungai, pene-rokaan hutan di hulu sungai dan memberi pendidikan secara be-terus kepada masyarakat supaya memintai sungai serta bersama-sama menjaga kebersihan sungai.

BERNAMA

LOT BUMIPUTERA
UNTUK JUALAN

